

71  
SOALAN NO: 330

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]

SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -

adakah Kementerian akan memperkenalkan skim penyediaan bantuan secara langsung bagi meringankan beban golongan nelayan seperti bantuan enjin, bantuan pukat serta menaik taraf kemudahan kawasan jeti yang lebih sistematik.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia masih meneruskan program sedia ada seperti bantuan atau insentif bagi meringankan beban golongan nelayan seperti berikut:

**a) Program Dana Nelayan.**

Skim pinjaman mudah tanpa faedah, tanpa penjamin dan tanpa cagaran bagi pembelian baru bot dan meningkatkan keupayaan teknikal, modal operasi, pinjaman kecemasan serta untuk mengurangkan kebergantungan dan pengaruh orang tengah dalam kehidupan masyarakat nelayan.

Sejak tahun 2001 seramai **4,271** bilangan nelayan telah menerima faedah dengan pinjaman berjumlah **RM76,845,191.00**

**b) Tabung Bencana Alam**

Disediakan untuk membolehkan nelayan membeli peralatan baru atau membaiki peralatan yang rosak akibat bencana. Tabung ini juga melibatkan jumlah

sebanyak **RM2 juta setahun atau RM10 juta untuk RMK-11.**

c) **Jeti Perikanan**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja membina/menaiktaraf/ membaikpulih jeti-jeti nelayan di seluruh Malaysia.

Bagi **Parlimen Kangar**, sebanyak 7 buah **jeti perikanan** telah dibina dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **RM1,979,472.00**. Senarai jeti adalah seperti berikut:

- a) Jeti Seberang Alor, Kuala Perlis
- b) Jeti Kurung Tengar
- c) Jeti Nelayan Kampong Tok Kuning, Kuala Perlis
- d) Jeti Seberang Tok Pi, Kuala Perlis
- e) Jeti Nelayan Kg. Tengah, Kuala Perlis
- f) Jeti Nelayan Kg. Pulau Ketam, Kuala Perlis
- g) Jeti Kg. Tanah Baru (1), Kuala Perlis

74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**

**SOALAN : 331**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang di ambil untuk memperdalamkan kawasan laut di sekitar Jeti Kuala Perlis yang cetek menyebabkan jadual feri Kuala Perlis - Langkawi terganggu.

## JAWAPAN

Feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi beroperasi dari Jeti Penumpang Kuala Perlis yang terletak di muara Sungai Perlis. Lokasi jeti sedia ada ini mempunyai kadar pemendapan yang tinggi yang menyebabkan kedalaman air di sekitar terminal dan alur pelayaran feri menjadi cetek. Keadaan ini menyebabkan feri-feri penumpang hanya dapat beroperasi ketika air pasang sahaja dan menjelaskan ketepatan masa feri-feri ini.

Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah melaksanakan kerja-kerja pergerukan alur pelayaran sepanjang 9 km di Jeti Kuala Perlis dari 30 Mei 2014 hingga 31 Jun 2015 dengan kos keseluruhan berjumlah RM35 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut. Jabatan Laut Malaysia sentiasa berusaha memastikan keselamatan alur pelayaran di jeti-jeti utama adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pergerukan secara berkala. Ini juga akan dapat menyelesaikan masalah kelewatan atau ketepatan masa perkhidmatan feri. JLM juga sedang mengkaji pelaksanaan kerja-kerja pergerukan di masa hadapan di Kuala Perlis.